

FWD Medical Rider


Manfaat yang bijak untuk anda dan keluarga. Pelan fleksibel yang berubah mengikut keperluan anda.



Call our hotline: 1300 13 7988

**Dalam kehidupan
sentiasa ada perubahan.
Perihal kesihatan, usah
dibelenggu masalah
kewangan.**

**Kita tidak boleh terlalu mengambil mudah
perihal kesihatan, apatah lagi persediaan dari
segi kewangan demi kesejahteraan kita.**



Selaras dengan peningkatan kos perubatan, perlindungan kesihatan kini dilihat sebagai keperluan utama. Kami memahami perkara ini dan kerana itulah pelan perubatan FWD Medical Rider dan FWD Medical Executive Rider direka, untuk melindungi anda dan yang tersayang dalam menghadapi sebarang kejadian yang tidak dijangka - semua dalam satu sijil.

Pelan-pelan ini membolehkan perlindungan keluarga diubah selaras dengan perubahan yang berlaku kepada keluarga anda, kerana kami tahu, apa jua yang berlaku, keluarga tetap keutamaan anda.

Pilihan tepat. Manfaat pintar. Apabila keluarga membesar, anda sudah pun bersedia.

Apabila bilangan ahli keluarga bertambah, kami memahami keperluan perlindungan anda. Jadi anda boleh mengubah untuk mendapatkan perlindungan yang lebih baik.



Pilihan Perlindungan Menyeluruh


Di mana anda boleh memilih kemasukan hospital dan pusat perubatan utama yang terpilih **tanpa tunai** dan **tanpa masalah**

Manfaat keseluruhan yang tinggi sehingga **RM2,000,000**

Terendah adalah **RM200,000**



Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital dengan pilihan bernilai sehingga **RM2,000 sehari**



Nikmati manfaat tambahan

seperti katil tambahan di hospital dan rawatan perubatan alternatif seperti rawatan akupunktur, kiropraktik dan sebagainya.

Pilih pelan yang sesuai dengan anda

Kami menyediakan 3 jenis pelan:

1

Pelan Individu



Permohonan perlindungan mestilah dibuat ketika anda berumur di antara 1 bulan sehingga 65* tahun

2

Pelan Berpasangan



Permohonan perlindungan mestilah dibuat ketika pasangan anda berumur 17 hingga 60 tahun

3

Pelan Keluarga



Anda boleh memohon perlindungan bagi anak-anak yang berumur di antara 1 bulan dan 20 tahun (sehingga 4 orang anak sahaja)

*Bergantung pada tarikh luput pelan asas. Nota: Umur berdasarkan umur pada hari lahir berikutnya.

Pilih tahap perlindungan anda

Pelan	Pelan Deduktibel (RM)	Bilik dan Penginapan Hospital (RM)	Had Tahunan Keseluruhan Permulaan (RM)
Pelan 1	0	200	200,000
Pelan 2	atau 1,000 atau 10,000	300	300,000
Pelan 3	atau 50,000	500	500,000
Pelan 4	10,000 atau 50,000	2,000	2,000,000

Apakah itu deduktibel?

Pembayaran yang perlu anda lakukan terlebih dahulu.

Bagaimana caranya?

Katakanlah anda memilih Pelan Individu dan tahap **Pelan 1** dengan bilik dan penginapan hospital RM200 beserta had tahunan bernilai RM200,000 dan **deduktibel sebanyak RM1,000 setahun**.

RM1,000
Deduktibel
setahun



Namun, **deduktibel tidak akan diguna pakai** untuk perkara-perkara berikut:



Kemalangan utama yang menyebabkan anda ditahan di wad Unit Kawalan Rapi dan/atau mengakibatkan anda berada dalam keadaan koma untuk sekurang-kurangnya 3 hari dan/atau menjalani pembedahan yang perlu dari segi perubatan di hospital.



Tuntutan utama untuk kemasukan hospital yang disebabkan oleh penyakit-penyakit seperti di bawah:

1. Kanser
2. Serangan Jantung
3. Strok
4. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
5. Kerosakan Buah Pinggang

Contohnya, jika anda memilih pelan berpasangan, pasangan anda akan dilindungi. Namun, jika anda memilih pelan keluarga, pasangan dan sehingga 4 orang anak-anak anda juga turut mendapat perlindungan.

Bagaimanakah pelan berpasangan berfungsi?



Siti dan Ali baru sahaja berkahwin dan telah memilih untuk menyertai FWD Medical Rider dengan pelan perubatan jenis 2 (Pelan Berpasangan) beserta perlindungan Pelan 1 dengan deduktibel RM1,000.



6 bulan kemudian, Siti mendapati ada ketumbuhan kecil di bahagian pelvis yang membuatkan dirinya tidak boleh hamil. Menerusi Pelan FWD Medical Rider, Siti perlu menjalani rawatan dan kos rawatan adalah sebanyak RM25,000.

Had tahunan Siti kemudiannya berkurangan disebabkan tuntutan yang telah dibuat. Namun, had tahunan Ali kekal sama kerana had tahunan adalah berdasarkan setiap orang yang dilindungi.



Kerana Siti telah memilih deduktibel RM1,000 di dalam pelan tersebut, FWD akan membayar sebanyak RM24,000 daripada RM25,000 kos keseluruhan perubatannya.



Bagaimana jika ada tambahan ahli keluarga?



Setahun kemudian, Siti melahirkan anaknya, Adam. Selepas sebulan, Siti dan Ali menukar pelan mereka kepada pelan Keluarga. Ali membuat bayaran tambahan untuk perlindungan perubatan Adam.



Ketika berumur 5 tahun, Adam menjalani pembedahan disebabkan kemalangan utama dan kos keseluruhan yang mencecah RM54,000. FWD Takaful melindungi kos tersebut sepenuhnya kerana deduktibel tidak diguna pakai bagi situasi ini. Adam pulih sepenuhnya. Akhirnya, Siti dan Ali boleh menarik nafas lega dengan keadaan anak kesayangan mereka.

Siti dan Ali mengemas kini pelan perlindungan untuk memasukkan Zara. Ali membuat bayaran tambahan untuk perlindungan perubatan Zara.



Pada tahun itu, keluarga mereka menerima kehadiran satu lagi cahaya mata bernama Zara.



Manfaat yang tersedia mengikut pelan pilihan anda

Berikut adalah huraian manfaat berdasarkan pelan yang anda pilih, merangkumi manfaat asas dan tambahan. Terdapat 4 pelan yang disediakan.

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Deduktibel (RM)	0/1,000/10,000/50,000			10,000/50,000
Had Tahunan Keseluruhan Permulaan (RM)	200,000	300,000	500,000	2,000,000
Had Seumur Hidup (RM)	–	–	–	–
Manfaat Penghospitalan (RM)				
Bilik dan Penginapan Hospital	200	300	500	2,000
Unit Rawatan Rapi (maksimum sehingga 90 hari setahun)	Seperti Dicaaj			
Bekalan dan Khidmat Hospital	Seperti Dicaaj			
Bayaran Pembedahan (rawatan sebelum/selepas pembedahan sehingga 30 hari dari tarikh pembedahan)	Seperti Dicaaj			
Bayaran Dewan Bedah	Seperti Dicaaj			
Bayaran Pakar Bius	Seperti Dicaaj			
Bayaran Ambulans	Seperti Dicaaj			
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum sehingga 150 hari setahun, 2 lawatan sehari)	Seperti Dicaaj			
Manfaat Pesakit Luar (RM)				
Ujian Diagnostik Sebelum Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalan)	Seperti Dicaaj			
Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalan)	Seperti Dicaaj			
Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 90 hari selepas penghospitalan)	Seperti Dicaaj			
Pembedahan Harian/Prosedur Harian	Seperti Dicaaj			
Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti Dicaaj			
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti Dicaaj			
Rawatan Denggi Pesakit Luar	Seperti Dicaaj			
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (dalam tempoh 90 hari selepas penghospitalan)	Seperti Dicaaj			
Rawatan kecemasan pesakit luar/pergigian akibat kemalangan (dalam tempoh 24 jam dan rawatan susulan sehingga 30 hari)	Seperti Dicaaj			
Manfaat Lain (RM)				
Pemindahan Organ (sekali seumur hidup)	Seperti Dicaaj			
Pendapatan Perubatan Kedua (had setahun)	1,000			
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia	200			
Elaun Tunai Harian di Hospital Swasta Malaysia	50			
Penjagaan Kejururawatan di Rumah (maksimum sehingga 180 hari seumur hidup)	Seperti Dicaaj			
Kanta Intraokular	Sehingga 3,000 bagi satu mata, 6,000 seumur hidup			
Bayaran Laporan Perubatan	100 bagi setiap kehilangan upaya			

Pilih pelan perlindungan anda

Dalam usaha memberikan anda perlindungan yang lebih luas, kami menyediakan manfaat tambahan dalam bentuk sumbangan berasingan menerusi **FWD Medical Executive Rider** untuk perlindungan maksimum.

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Deduktibel (RM)	0/1,000/10,000/50,000			10,000/50,000
Had Tahunan Keseluruhan yang Disemak Semula (RM)	2,000,000	3,000,000	5,000,000	20,000,000
Had Seumur Hidup (RM)	–	–	–	–
Manfaat Tambahan (RM)				
Had Tahunan Keseluruhan Tambahan Disebabkan oleh Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang	2,000,000	3,000,000	5,000,000	20,000,000
Komplikasi Materniti (had setahun)	4,000	6,000	8,000	10,000
Rawatan Psikiatri Dalam Hospital (maksimum sehingga 30 hari setahun dan 180 hari seumur hidup)	Seperti Dicaj			
Katil Peneman di Hospita l (1 katil untuk 1 peneman, maksimum sehingga 60 hari setahun)	Seperti Dicaj			
Pengamal Perubatan Alternatif (had setahun)	1,000			

Manfaat Tambahan



Had tahunan keseluruhan tambahan disebabkan kanser, serangan jantung atau kerosakan buah pinggang

Kami akan meningkatkan had keseluruhan anda jika orang dilindungi dikesan menghadapi kanser, serangan jantung atau kerosakan buah pinggang. Peningkatan ini hanya boleh berlaku sekali seumur hidup sahaja.



Rawatan pakar psikiatri di hospital

Kami akan membayar caj sebenar bagi rawatan pakar psikiatri pesakit yang ditahan di hospital seperti rawatan kemurungan, gangguan obsesif kompulsif, skizofrenia, gangguan bipolar, sindrom Tourette dan kemurungan selepas bersalin.



Katil tambahan di hospital

Kami akan membayar untuk satu (1) katil peneman bagi seorang individu.



Pengamal perubatan alternatif

Kami akan membayar untuk rawatan perubatan alternatif seperti akupunktur, acupressure, kiropraktik, penetapan tulang dan rawatan herba yang dilakukan oleh pengamal alternatif, osteopath dan kiropraktor berdaftar serta berlesen.



Kami akan membayar caj yang munasabah dan wajar untuk prosedur perubatan yang diperlukan di hospital.

Komplikasi materniti yang dilindungi*

1. Penyebaran intravaskular yang tersebar
2. Kehamilan ektopik
3. Hydatidiform mole (kehamilan anggur)
4. Pendarahan pasca-partum yang memerlukan histerektomi eklampsia
5. Eklampsia
6. Embolisme cecair amniotik
7. Embolisme pulmonari kehamilan
8. Toxaemia kehamilan

* Rujuk kepada sijil perlindungan rider untuk penerangan lengkap tentang komplikasi yang dilindungi.

Apakah yang dikecualikan daripada perlindungan kami?

Kami tidak akan membayar manfaat bagi situasi-situasi yang dikecualikan daripada perlindungan ini. Berikut adalah senarai bagi situasi-situasi tersebut.

1. Keadaan Sedia Wujud.
2. Sebarang tuntutan yang timbul kerana orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.
3. Berkhatan atau sebarang pembedahan ke atas kulit khatan.
4. Sebarang bentuk penjagaan atau pembedahan pergigian kecuali diperlukan akibat kecederaan tetapi tidak termasuk penggantian gigi asli, pemasangan gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti bridges dan crowns atau pengantiannya.
5. Penyakit venera dan sekuelnya.
6. Penyakit berkaitan dengan HIV (Human Immunodeficiency Virus), AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau penyakit berkaitan dengan AIDS kecuali bagi manfaat Pendapat Perubatan Kedua.
7. Sebarang penyakit mudah berjangkit yang diarahkan kuarantin oleh undang-undang.
8. Kehamilan atau keadaan yang berkaitan kehamilan termasuk melahirkan anak, komplikasi yang timbul daripada kehamilan seperti keguguran, menggugurkan kandungan, jagaan pranatal atau selepas bersalin kaedah kontraseptif untuk kawalan kelahiran, rawatan ketidaksuburan dan komplikasinya kecuali bagi komplikasi materniti yang dilindungi di bawah manfaat Komplikasi Materniti.
9. Mati pucuk, pemandulan, disfungsi erektile dan komplikasinya.
10. Siasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur.
11. Hyperhidrosis.
12. Gangguan mental atau saraf (termasuk psikosis, neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikomatiknya).
13. Sebarang ketidakupayaan yang disebabkan oleh diri sendiri, kecederaan dan penyakit yang disengajakan oleh diri sendiri, semasa siuman atau tidak siuman, dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula atau tarikh penghidupan semula, yang mana kemudian.
14. Sebarang tuntutan yang merupakan akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang sama.
15. Pembedahan pembetulan kesilapan refraktif.
16. Pembedahan perubahan jantina.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

Apa yang berlaku jika anda tidak membuat tuntutan?



Jika tiada sebarang tuntutan yang diluluskan dibuat dalam tempoh

2 tahun



Had Tahunan Keseluruhan Permulaan anda akan dinaikkan sebanyak

10%



Peningkatan ini dihadkan sehingga

50%

daripada Had Tahunan Keseluruhan Permulaan tersebut

Nota: Peningkatan ini tidak terpakai untuk FWD Medical Executive Rider.

Adakah kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah dan berpandukan jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta lain mengalami kerugian tertentu.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya.

2. Kami memasukkan sumbangan anda, di tolak yuran Wakalah, ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai tabarru'. Tabarru' digunakan untuk membayar manfaat kepada orang yang layak menerimanya berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan peserta; dan
- terma dan syarat mengikut sijil



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

3. Sekiranya DRP menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menggunakan 50% daripada lebih sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak.



Jika nilai DRP tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada DRP.



Ju'alah merupakan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi prestasi baik DRP yang akan diuruskan.

Berapakah jumlah Wakalah yang perlu dibayar?

32% Yuran Wakalah dari sumbangan sepanjang tempoh perlindungan.

Tempoh Perlindungan

- Minimum – 5 tahun
- Maksimum – sehingga tarikh luput pelan asas

Nota Penting

1. Risalah ini tidak membentuk sebarang kontrak di antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan Syarat penuh ada dinyatakan di dalam dokumen sijil.
2. FWD Medical Rider bukanlah sebuah produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima sebarang bentuk tunai daripada sijil ini melainkan manfaat perlindungan yang dinyatakan.
3. Anda berhak untuk mendapatkan pelepasan cukai individu apabila menyertai pelan ini, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
4. Anda perlu memastikan bahawa pelan ini sesuai dan menepati keperluan dan sumbangan tersebut berpatutan dengan kemampuan anda.
5. Untuk maklumat lanjut tentang yuran, caj dan butiran lain, sila rujuk Risalah Pemberitahuan Produk.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen anda, hubungi hotline kami atau layari laman web kami di fwd.com.my



Khidmat Hotline
1300 13 7988



Anda sudah menjadi pelanggan? Sila log masuk ke portal pelanggan kami

Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ditubuhkan di Asia pada tahun 2013 dengan matlamat sebagai perintis, Kumpulan FWD (“FWD”) adalah perniagaan insurans utama kumpulan pelaburan, Pacific Century Group.

Ia adalah unit perniagaan Takaful FWD – yang merangkumi 10 pasaran di Asia termasuk Hong Kong SAR & Macau SAR, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun, Malaysia dan Kemboja; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, pelan perlindungan pekerja, pelan perlindungan Shariah dan Takaful keluarga merentasi beberapa pasarannya.

FWD menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru dan menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD mensasarkan untuk menjadi peneraju insurans Asia yang mengubah pandangan terhadap insurans.

Untuk maklumat lanjut, sila layari fwd.com.my.